



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 52
No. 13

19hb Jun 2008

TAMBAHAN NO. 63
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 211

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

- (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) 2008**.
- (2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 8 September 2007.

Peremitan

2. (1) Lima puluh peratus daripada duti setem yang boleh dikenakan ke atas mana-mana surat cara pindah milik diremitkan bagi pembelian satu unit sahaja harta kediaman oleh seseorang individu yang berharga tidak melebihi RM250,000 berhubung dengan suatu Perjanjian Jual Beli yang disempurnakan pada atau selepas 8 September 2007 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2010.

(2) Dalam perenggan ini, "harta kediaman" ertinya rumah, unit kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa yang dibina sebagai suatu rumah kediaman.

Pembatalan

3. Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 3) 2007 [P.U. (A) 402/2007] dibatalkan.

Dibuat 6 Jun 2008
[Perb. CR(8.09)294/6/4-9 (SJ. 9) (2008) (SK. 9);
LHDN.01/32.3/42/68-180-(1A)(i)(10/07); PN(PU²)159/XXXIV]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua